

**ANALISIS TERHADAP BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH DALAM
KES-KES JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA:
ISU DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

*Analysis of the Jurisdiction of Syariah Courts in Syariah Criminal Cases in Malaysia:
Issues and Recommendations for Improvement*

ⁱWan Nur Rusyaida Husna Wan Razali,

ⁱⁱNur Amilin Mohd Ghazali,

ⁱⁱⁱNorhidayah Hanim Idris &

^{iv}*Mohamad Aniq Aiman Alias

^{i,ii,iii}Fakulti Pengajian Islam, University College Bestari, Putera Jaya, Bandar Permaisuri, 22100 Setiu, Terengganu, Malaysia

^{iv}Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: aniqalias@ucbestari.edu.my

ABSTRAK

Kes jenayah Syariah di Malaysia sering menjadi subjek perbincangan ekoran cabaran dalam pelaksanaan bidang kuasa Mahkamah Syariah, sejarar dengan perubahan sosial, budaya, dan perkembangan undang-undang. Mahkamah Syariah memainkan peranan penting dalam menegakkan hukum Islam dan memastikan keadilan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang berterusan, termasuk had hukuman yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya, ketidakseragaman peruntukan undang-undang antara negeri dan keperluan untuk kerjasama lebih erat antara pihak berkepentingan dalam sistem kehakiman Syariah. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis isu-isu kritikal yang berkaitan dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam kes jenayah Syariah di Malaysia, di samping mencadangkan langkah penambahbaikan. Pendekatan kajian ini adalah secara kualitatif, menggunakan analisis dokumen daripada data primer dan sekunder. Penyelidik telah menganalisis sejarah penubuhan Mahkamah Syariah, bidang kuasa dan beberapa kes jenayah Syariah yang dilaporkan. Hasil kajian ini mendapati bahawa walaupun sistem Mahkamah Syariah di Malaysia mempunyai asas perundangan yang kukuh, cabaran seperti ketidakseragaman bentuk dan had hukuman antara negeri-negeri, serta perlunya peranan hakim yang lebih holistik dalam menjatuhkan hukuman, masih wujud. Kajian ini mencadangkan beberapa langkah penambahbaikan, termasuk memanfaatkan had hukuman sedia ada secara maksimal oleh negeri, meningkatkan kerjasama antara pegawai penguatkuasa agama, pendakwa Syariah dan badan kehakiman Syariah, serta menyeragamkan peruntukan undang-undang antara negeri. Diharapkan hasil kajian ini dapat menjadi rujukan penting untuk memperkuuh institusi kehakiman Syariah di Malaysia dan memastikan sistem ini terus relevan serta berdaya saing dengan perubahan zaman.

Kata Kunci: Mahkamah Syariah, bidang kuasa, jenayah Syariah, isu dan cadangan

ABSTRACT

Syariah criminal cases in Malaysia are often the subject of debate due to the challenges faced in implementing the jurisdiction of the Syariah Courts, amidst the evolving social, cultural, and legal landscape. Syariah Courts play a pivotal role in upholding Islamic law and ensuring justice. However, persistent issues remain, such as the underutilization of existing punishments, inconsistencies in legal provisions between states and the need for closer collaboration among stakeholders in the Syariah judicial system. This study aims to analyze critical issues related to the jurisdiction of Syariah Courts in Syariah criminal cases in Malaysia and propose improvement measures. The study adopts a qualitative approach, utilizing document analysis of primary and secondary data. The research examines the historical development of the Syariah Courts, their jurisdiction, and reported Syariah criminal cases. The findings reveal that while Malaysia's Syariah Courts are supported by a solid legal foundation, challenges such as inconsistencies in the types and limits of punishments across states and the need for a more holistic judicial approach by Syariah judges persist. The study proposes several improvements, including maximizing the utilization of existing punishment limits by states, enhancing cooperation among religious enforcement officers, Syariah prosecutors, and Syariah judicial bodies, and standardizing legal provisions across states. This study is expected to serve as a vital reference for strengthening the Syariah judicial institution in Malaysia, ensuring its continued relevance and adaptability to contemporary developments.

Keywords: Syariah Court, jurisdiction, Syariah crimes, issues and recommendations

PENDAHULUAN

Agama Islam amat menekankan konsep kehakiman dalam sesebuah negara untuk memastikan keputusan yang adil¹. Dalam sistem perundangan Islam, bidang kuasa Mahkamah Syariah dikenali sebagai “al-wilayah” yang merujuk kepada hak dan kuasa untuk mendengar serta memutuskan sesuatu kes². Sekiranya Mahkamah Syariah tidak memiliki bidang kuasa ini, Mahkamah tidak dapat membuat sebarang keputusan dalam perbicaraan. Disebabkan perundangan di Malaysia mengamalkan sistem dualisme³, keberadaan bidang kuasa ini secara asasnya tiada konflik dalam menentukan kuasa mendengar dan memutus sebarang kes. Bidang kuasa yang tertentu juga dapat menentukan kes-kes yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Syariah.

Secara umumnya, Mahkamah Syariah memainkan peranan penting dalam menegakkan undang-undang Islam di Malaysia, terutamanya dalam menangani kes-kes jenayah Syariah. Walau bagaimanapun, seperti yang diperhatikan dalam amalan semasa, terdapat beberapa cabaran dan kelompongan yang perlu ditangani bagi memastikan keberkesanan dan keadilan dalam sistem kehakiman Islam⁴. Dalam kes *Nafsiah lwn Abdul Majid* (No 2) [1969] 2 MLJ 175 yang berkaitan dengan kemungkir dalam perkahwinan, terdapat pelbagai faktor yang

¹ Ahmad, Mohd Nazri, “Konsep Kehakiman dalam Islam”, *Jurnal Usuluddin* 14 (2001): 87-96.

² Md Supi, Siti Shamsiah. “Bidang Kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Pengenalan Ringkas”. Institut Kefahaman Islam Malaysia. 19 March 2003. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2003/03/19/bidang-kuasa-mahkamah-syariah-di-malaysia-satu-pengenalan-ringkas/>

³ Md Supi, Siti Shamsiah. “Bidang Kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Pengenalan Ringkas”.

⁴ Mohd Rapini, Azizah dan Md. Noor, Ruzman. “Prinsip Keadilan dalam Sistem Kehakiman Islam: Tumpuan Khusus terhadap Konsep Syahadah”, *Journal of Fatwa Management and Research*, 9 (2017): 129-161.

menyebabkan perkara ini berlaku. Isu utama dalam kes ini adalah kelemahan dalam peruntukan undang-undang Syariah yang sedia ada, yang dianggap ringan dan longgar. Peruntukan yang tidak mencukupi ini menyebabkan proses penguatkuasaan undang-undang menjadi kurang tegas dan diambil ringan tanpa usaha yang serius. Selain itu, kurangnya ketegasan dalam pelaksanaan undang-undang Syariah boleh mengakibatkan ketidakadilan bagi pihak-pihak yang terlibat serta potensi konflik kuasa dalam sistem dualisme perundangan di Malaysia. Dampak negatif terhadap masyarakat juga wujud, termasuk ketidakpuasan hati masyarakat Islam dan kemungkinan penyalahgunaan sistem⁵. Oleh itu, artikel ini akan memberi fokus kepada perbincangan mengenai perihal Mahkamah Syariah khususnya dalam kes-kes jenayah Syariah secara terperinci dan beberapa cadangan penambahbaikan turut dikemukakan bagi meningkatkan fungsi dan martabat Mahkamah Syariah pada masa akan datang.

PENGENALAN KEPADA UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA

Kedatangan Islam ke Nusantara pada abad ke-13 dan ke Melaka pada abad ke-14 telah membawa perubahan signifikan kepada landskap perundangan yang sebelumnya banyak dipengaruhi oleh adat resam tempatan⁶. Semasa kegemilangan Kesultanan Melaka, undang-undang Islam berinteraksi dengan adat Temenggong, membentuk apa yang dikenali sebagai Kanun Melaka. Kanun Melaka banyak merujuk kepada teks-teks klasik seperti *Abu Shuja'* dan *Fath al-Qarib* yang ditulis oleh Ibn al-Qasim al-Ghazzi. Beberapa undang-undang Melaka yang terkenal termasuk Undang-Undang Melaka Asal, Undang-Undang Laut, Undang-Undang Keluarga Islam, serta Undang-Undang Jual Beli dan Acara Islam. Pengaruh Kanun Melaka juga meluas ke undang-undang negeri-negeri lain seperti Undang-Undang 99 Perak, Undang-Undang Johor, dan Undang-Undang Pahang.

Undang-undang Islam telah menjadi asas utama sistem perundangan di Tanah Melayu. Ini dibuktikan melalui kes *Shaik Abdul Latif & Ors lwn Shaik Elias Bux* [1915] 1 FMSLR 204 di mana mahkamah memutuskan bahawa undang-undang Islam yang telah diubah suai dengan adat tempatan adalah terpakai kepada orang Islam. Pandangan yang sama ditegaskan dalam kes *Ramah binti Ta'at lwn Laton binti Malim Sutan* [1927] FMSLR, di mana mahkamah semasa penjajahan British mengiktiraf undang-undang Islam sebagai undang-undang tempatan di Tanah Melayu⁷. Walau bagaimanapun, hakikatnya undang-undang Islam tidak diberikan kedudukan yang sewajarnya semasa penjajahan British. Secara beransur-ansur, undang-undang Inggeris diperkenalkan melalui pelbagai kanun seperti Kanun Jenayah, Enakmen Keterangan, Enakmen Kontrak, Kanun Acara Sivil, Kanun Acara Jenayah, dan Kanun Tanah. Pengaruh undang-undang Inggeris semakin kuat melalui keputusan-keputusan mahkamah yang mengamalkan prinsip *common law*, di mana keputusan mahkamah yang lebih tinggi mengikat mahkamah bawahan dan keputusan terdahulu menjadi preseden bagi keputusan mahkamah yang akan datang⁸.

⁵ Alias, Mohamad Aniq Aiman, “The Falsification of Documents in Marriage Cases under the Civil and Syariah Court in Malaysia: An Appraisal Analysis”. Disertasi Sarjana, Universiti Sains Islam Malaysia, 2022.

⁶ Mohamed Adil, Mohamed Azam, ‘Bidangkuasa dan Kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia Pasca Alaf 20: Ke Arah Mana?’, *Jurnal Syariah* 8, no. 2 (2000): 103-122.

⁷ Mohamed Adil, Mohamed Azam, “Mahkamah Syariah di Malaysia: Kemajuan dan Pencapaian”. Kertas kerja dibentangkan di Seminar on Islamic Law in Practice with Global Perspective, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Disember 10, 2013.

⁸ Mohamed Adil, Mohamed Azam, “Mahkamah Syariah di Malaysia: Kemajuan dan Pencapaian”.

Tambahan pula, hakim-hakim yang mendengar akta keterangan Syariah pada zaman penjajahan adalah orang Inggeris, yang tentunya terpengaruh dengan undang-undang Inggeris. Hal ini menjadikan undang-undang Inggeris sebagai rujukan utama mahkamah sekiranya tidak terdapat undang-undang bertulis yang spesifik. Contohnya, dalam kes *Myriam lwn Ariff* [1971] 1 MLJ 275, keputusan Mahkamah Syariah yang berdasarkan hukum Syara' yang memberikan hak penjagaan anak kepada bapa telah dinafikan oleh Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi beralasan bahawa ia mempunyai bidang kuasa, dan apabila berlaku pertindihan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Tinggi Sivil, Mahkamah Sivil akan menguasai bidang tersebut. Begitu juga, dalam kes *Ainan bin Mahmud lwn Syed Abu Bakar & yang lain* [1939] MLJ 209, undang-undang Islam mengenai persoalan anak sah taraf telah dinafikan dengan merujuk kepada Seksyen 121 Akta Keterangan 1950 [Akta 56].

Secara keseluruhan, perubahan landskap perundangan di Tanah Melayu dari kedatangan Islam hingga zaman penjajahan British menunjukkan perkembangan yang signifikan dalam pengaruh undang-undang Islam dan undang-undang adat setempat. Dari Kanun Melaka hingga pengiktirafan undang-undang Islam sebagai undang-undang tempatan, terdapat peralihan yang jelas dalam kedudukan undang-undang Islam dalam sistem perundangan Tanah Melayu. Namun demikian, pelaksanaan undang-undang Islam menghadapi pelbagai cabaran, terutamanya semasa penjajahan British apabila undang-undang Inggeris secara beransur-ansur memperoleh keutamaan. Keputusan mahkamah yang lebih menekankan undang-undang Inggeris dalam beberapa kes telah menggugat kedudukan undang-undang Islam, menimbulkan persoalan mengenai bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil.

Walaupun begitu, kesedaran tentang pentingnya mengekalkan integriti undang-undang Islam dalam konteks undang-undang negara tetap menjadi fokus utama. Usaha untuk menjaga keseimbangan antara pengaruh undang-undang Islam dan undang-undang sivil adalah penting bagi memenuhi keperluan masyarakat berbilang budaya dan agama di Malaysia. Pendekatan ini memastikan bahawa undang-undang Islam dapat terus memainkan peranan yang relevan dan efektif dalam sistem perundangan negara, sambil menghormati kepelbagai dan keharmonian sosial.

SEJARAH PENUBUHAN MAHKAMAH SYARIAH MALAYSIA


Dari segi sejarah, Mahkamah Syariah di Malaysia wujud sejak sebelum kemerdekaan dan berada di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam. Pada peringkat awal, sistem kehakiman Syariah terdiri daripada Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi. Kes-kes rayuan didengar di Mahkamah Jawatankuasa Ulang Bicara⁹. Kadi-kadi dilantik oleh Sultan atau Raja masing-masing, menandakan hubungan erat antara institusi kehakiman Syariah dengan institusi monarki tradisional.

Kedudukan ini kekal hingga tahun 1980, apabila Mahkamah Syariah dipisahkan dari Jabatan Agama Islam. Pemisahan ini bertujuan untuk memperkuatkan autonomi Mahkamah Syariah dan memastikan keberkesanan dalam pentadbiran keadilan Syariah. Pada tahun 1990, struktur Mahkamah Syariah dipertingkatkan melalui penstrukturkan semula hierarki mahkamah dan penamaan semula nama mahkamah. Mahkamah Syariah kini terdiri daripada Mahkamah

⁹ Mohamed Adil, Mohamed Azam, "Mahkamah Syariah di Malaysia: Kemajuan dan Pencapaian".

Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, dan Mahkamah Rayuan Syariah. Sebagai contoh, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 memperkenalkan struktur baru berkonseptan “*three-tier hierarchy*” di mana ketiga-tiga hierarki Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa masing-masing yang meliputi:

Rajah 1: Hierarki Mahkamah Syariah berdasarkan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993



Rujukan: Hassan et al., (2009)¹⁰

Dengan perubahan hierarki dan struktur Mahkamah Syariah, nama jawatan juga ditukar. Mahkamah Syariah kini diketuai oleh Ketua Hakim Syar’ie yang dibantu oleh hakim-hakim di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah. Perlantikan hakim-hakim Syar’ie dilakukan oleh Sultan atau Raja¹¹. Sementara itu, perlantikan hakim Mahkamah Rendah Syariah dijalankan melalui proses biasa di bawah skim perkhidmatan awam atas cadangan Ketua Hakim Syar’ie. Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah pula dilantik oleh Sultan atau Raja atas perakuan Ketua Hakim Syar’ie. Mahkamah Rayuan Syariah terdiri daripada seorang pengurus dan beberapa hakim yang dilantik daripada kalangan Hakim Rayuan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) serta hakim-hakim yang bukan berjawatan hakiki, untuk menganggotai panel rayuan.

Penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada tahun 1998 bertujuan untuk mempersekuatkan perkhidmatan Mahkamah Syariah di seluruh negara dengan mengambil kira struktur organisasi, kuasa, dan pencapaian. JKSM meliputi bidang tugas pegawai Syariah, beban tugas dan tanggungan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, serta kemudahan yang dinikmati oleh Pegawai Syariah. Selain itu, penubuhan JKSM juga disebabkan oleh beberapa isu berikut:

¹⁰ Hassan, Rusni, Hussain, Mohammad Azam, Yusoff, Adnan, “Penubuhan dan Bidang Kuasa Mahkamah Muamalat di Malaysia: Isu dan Cabaran”, *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 25 (2009), 83-106.

¹¹ Hassan, Rusni, Hussain, Mohammad Azam, Yusoff, Adnan, “Penubuhan dan Bidang Kuasa Mahkamah Muamalat di Malaysia: Isu dan Cabaran”, *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*.

- i. **Ketidakseragaman Keputusan Mahkamah Syariah:** Terdapat perbezaan dalam peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam serta tatacara pelantikan hakim-hakim di Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, dan Mahkamah Rayuan Syariah.
- ii. **Kekurangan Hakim di Mahkamah Syariah:** Kekurangan hakim menyebabkan banyak kes tertangguh, yang menjelaskan keberkesanan Mahkamah Syariah dalam menegakkan keadilan.
- iii. **Peningkatan Keberkesanan dan Kecekapan:** JKSM bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan Mahkamah Syariah melalui penstrukturran organisasi yang lebih efisien dan penyelarasian tugas-tugas pegawai Syariah.

Sejarah penubuhan Mahkamah Syariah Malaysia menunjukkan evolusi yang dinamik dalam usaha menyesuaikan sistem kehakiman Islam dengan konteks negara moden. Dari struktur awal yang berada di bawah Jabatan Agama Islam hingga penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, setiap perubahan bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan, keadilan, dan konsistensi dalam pelaksanaan undang-undang Syariah. Penstrukturran hierarki mahkamah serta penubuhan JKSM adalah langkah penting dalam memastikan Mahkamah Syariah dapat berfungsi secara optimal, menghadapi cabaran ketidakseragaman keputusan, dan memenuhi keperluan masyarakat Islam di Malaysia. Dengan terus memperkuuhkan institusi Mahkamah Syariah, Malaysia berusaha untuk menegakkan keadilan yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam sambil mengekalkan keseimbangan dengan sistem perundangan sivil negara.

BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Menurut sistem perundangan Islam, bidang kuasa Mahkamah Syariah dikenali sebagai “*al-wilayah*”, yang merujuk kepada hak dan kuasa untuk mendengar serta memutuskan sesuatu kes. Sekiranya Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa ini, maka mahkamah tidak boleh membuat sebarang keputusan terhadap mana-mana perbicaraan¹². Oleh itu, disebabkan perundangan di Malaysia mengamalkan sistem dualisme, keberadaan bidang kuasa ini secara asasnya memastikan tiada konflik dalam menentukan kuasa mendengar dan memutuskan sebarang kes. Bidang kuasa yang tertentu juga dapat menentukan kes-kes yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, dan Mahkamah Rayuan Syariah.

Secara umumnya, bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia tidak mengalami perubahan yang signifikan jika dibandingkan dengan zaman kemerdekaan¹³. Walau bagaimanapun, Mahkamah Syariah telah mengalami perkembangan positif dari segi status kakitangan, pentadbiran, penaikan taraf mahkamah itu sendiri, dan infrastrukturnya. Penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) merupakan sebahagian daripada perkembangan positif

¹² Md Supi, Siti Shamsiah. “*Bidang Kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Pengenalan Ringkas*”. Institut Kefahaman Islam Malaysia. 19 March 2003. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2003/03/19/bidang-kuasa-mahkamah-syariah-di-malaysia-satu-pengenalan-ringkas/>

¹³ Md Supi, Siti Shamsiah. “*Bidang Kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Pengenalan Ringkas*”.

ini. Masyarakat Islam di negara ini khususnya perlu menghargai dan melihatnya sebagai suatu perkara yang positif walaupun perubahan tersebut bukanlah sangat ketara¹⁴.

Di bawah kuasa Perlembagaan Persekutuan Malaysia, pihak berkuasa negeri mempunyai kuasa untuk mewujudkan Enakmen Pentadbiran Islam Negeri. Di bawah enakmen inilah Mahkamah Syariah ditubuhkan. Serentak dengan ini, enakmen tersebut juga memperuntukkan bidang kuasa serta pegawai-pegawai mahkamah yang akan mengendalikannya. Pentadbiran mahkamah ini telah diasingkan daripada pentadbiran agama Islam negeri, menjadikan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri sebagai entiti yang berasingan. Di bawah jabatan ini, diwujudkan mahkamah-mahkamah yang diketuai oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Syariah Negeri masing-masing.

KES-KES JENAYAH SYARIAH DI BAWAH BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH MALAYSIA

Untuk memahami penerapan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam konteks jenayah Syariah, beberapa kajian kes berikut dianalisis:

Kajian Kes 1: Shah Ruzan Hamdan lwn Ketua Pendakwa Syariah, Wilayah Persekutuan [2013] 1 CLJ (SYA)

Dalam kes ini, perayu telah dituduh melakukan persetubuhan luar nikah dengan seorang perempuan Islam mengikut peruntukan Seksyen 23(1) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Perayu mengaku bersalah dan bersetuju dengan fakta kes. Selepas permohonan meringankan hukuman, hakim bicara menjatuhkan hukuman penjara selama tiga bulan, empat sebatan, dan denda RM2,000. Perayu kemudian membuat rayuan atas dasar bahawa hakim bicara gagal memberi pertimbangan sewajarnya mengenai pengakuan salah dan cara perayu didakwa sebelum hukuman dijatuhkan. Isu utama dalam rayuan ini termasuk:

1. Pertimbangan Pengakuan Salah: Sama ada pengakuan salah adalah faktor yang diambil kira sebelum penghukuman.
2. Kesesuaian Seksyen 129(1) Akta Tatacara Jenayah Syariah: Sama ada Seksyen ini sesuai digunakan untuk meringankan hukuman.
3. Kesalahan Hakim Bicara: Sama ada hakim bicara tersilap dalam menjatuhkan hukuman tanpa mempertimbangkan kepentingan perayu.

Setelah meneliti alasan rayuan, rekod rayuan dan hujah kedua-dua belah pihak, Mahkamah Rayuan Syariah memutuskan secara majoriti untuk menolak rayuan dan mengekalkan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah bicara.

Kajian Kes 2: Iki Putra bin Mubarak lwn Kerajaan Negeri Selangor [2021] 2 MLJ 323

Pempetisyen, seorang lelaki, didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor atas kesalahan cuba melakukan hubungan seks yang bertentangan dengan aturan tabii, iaitu dengan beberapa individu lelaki lain, mengikut Seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Pempetisyen mencabar keabsahan peruntukan tersebut di Mahkamah Persekutuan

¹⁴ Md Supi, Siti Shamsiah. "Bidang Kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Pengenalan Ringkas".

dengan alasan bahawa Badan Perundangan Negeri Selangor tidak mempunyai kuasa untuk menggubal peruntukan tersebut. Isu utama yang diperhalusi adalah sama ada badan perundangan negeri kompeten untuk menggubal kesalahan tersebut berdasarkan Perkara 4(3) dan Perkara 128(1) Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Seksyen 28 adalah tidak sah kerana ia bertentangan dengan klausa pengecualian dalam Butiran 1 Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan yang melindungi undang-undang jenayah dari campur tangan perundangan negeri.

Kajian Kes 3: Muhammad Juzaili bin Mohd Khamis & Ors lwn State Government of Negeri Sembilan & Ors [2014] MLJU 1063

Pada tahun 1992, Dewan Undangan Negeri Sembilan meluluskan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (EKJS), termasuk Seksyen 66 yang menjadikan perbuatan seorang lelaki berpakaian atau berlagak seperti perempuan di khalayak ramai sebagai kesalahan yang boleh dikenakan hukuman denda atau penjara. Muhammad Juzaili bin Mohd Khamis dan rakannya, yang menghidap *Gender Identity Disorder* (GID), ditahan dan didakwa di Mahkamah Syariah atas kesalahan tersebut. Mereka mencabar peruntukan ini di Mahkamah Persekutuan atas dasar bahawa Seksyen 66 EKJS bertentangan dengan hak-hak yang terkandung dalam Perkara 5(1), Perkara 8(1) dan 8(2), Perkara 9(2), dan Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Seksyen 66 adalah bertentangan dengan hak kesamarataan dan kebebasan bergerak, sehingga ia dibatalkan.

Kajian Kes 4: Sukma Darmawan Sasmitaat Madja lwn Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor [1999] 4 MLJ 742

Perayu dalam kes ini telah disabitkan kesalahan Seksyen 377D Kanun Keseksaan dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 kerana mengaku salah membenarkan seseorang meliwatnya. Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman enam bulan penjara. Permohonan habeas corpus ditolak oleh Mahkamah Tinggi, dan rayuan ke Mahkamah Rayuan juga ditolak. Perayu kemudian merayu ke Mahkamah Persekutuan, yang memutuskan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan tersebut. Mahkamah Persekutuan menekankan bahawa tafsiran fasal Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan harus konsisten dengan tujuan undang-undang dan tidak boleh ditafsirkan secara harfiah sehingga menimbulkan akibat yang tidak diingini oleh badan perundangan.


Kes-kes di atas menggambarkan pelbagai isu dan cabaran dalam pelaksanaan bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia. Dari penafsiran undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan hingga kekurangan kuasa perundangan negeri, Mahkamah Syariah sering kali menghadapi dilema dalam menegakkan hukum Syariah sambil memastikan kesesuaian dengan kerangka undang-undang negara.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN TERHADAP HUKUMAN JENAYAH SYARIAH DI BAWAH BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH MALAYSIA

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mencadangkan beberapa usaha penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan hukuman jenayah Syariah di Mahkamah Syariah dapat digunakan dengan baik serta mengikut undang-undang. Cadangan penambahbaikan yang dicadangkan adalah berdasarkan penelitian umum yang dibuat terhadap kajian-kajian lepas dan

kajian kes yang telah dilaksanakan oleh pengkaji. Cadangan tersebut adalah seperti mana berikut:

Rajah 2: Cadangan terpilih terhadap penambahbaikan hukuman jenayah Syariah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah Malaysia



i. *Memanfaatkan Had Hukuman Sedia Ada secara Maksimal oleh Negeri*

Mengikut peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri, penggunaan had hukuman secara maksimal sangat terbatas kepada beberapa jenis kesalahan sahaja. Tambahan lagi, terdapat juga negeri yang hanya menggunakan had hukuman secara maksimal untuk satu jenis kesalahan sahaja. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan hukuman yang sedia ada tidak dimanfaatkan sebaik mungkin dan masih lagi tidak digunakan secara menyeluruh. Bahkan, hukuman penjara dan sebatan yang sedia ada tidak perlu ditambah kerana sehingga kini, Mahkamah Syariah masih belum menggunakan peruntukan tersebut secara sepenuhnya. Oleh itu, peruntukan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri perlu digubal dan dinilai semula agar had hukuman digunakan secara optimal dan setimpal dengan jenis kesalahan yang dilakukan. Perkara ini secara tidak langsung juga menunjukkan kesungguhan diperingkat negeri untuk memartabatkan undang-undang jenayah Islam. Di samping itu, penggubalan perundangan di peringkat negeri dilihat lebih mudah untuk mendapat sokongan berbanding melakukan pindaan terhadap Akta 355 pindaan terhadap rang undang-undang 355^{15,16}.

ii. *Pendekatan Hakim untuk Menjatuhkan Hukuman secara Holistik*

Institusi kehakiman memainkan peranan penting dalam memartabatkan syiar Islam. Justeru itu, dalam meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam perkara jenayah, peranan hakim merupakan salah satu faktor penyumbang utama¹⁷. Dalam memutuskan sesuatu kes jenayah di Mahkamah Syariah, Hakim Syariah seharusnya mengambil pendekatan yang lebih berani untuk menggunakan had hukuman yang telah ditetapkan, walaupun difahami bahawa dalam

¹⁵ Nasri, Mohd Sabree. "Akta 355 dan Perkembangan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah dalam Perkara Jenayah di Malaysia". *Journal of Law & Governance*, 1(1) (2018): 77-90.

¹⁶ Yaacob, Abdul Monir. *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah*, (Cyberjaya: Penerbit Universiti Islam Malaysia, 2015).

¹⁷ Yaacob, Abdul Monir. *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah*.

menetapkan had hukuman terhadap sesuatu kesalahan, ia bergantung kepada tahap dan beban pembuktian yang diperoleh. Amalan kebiasaan hakim adalah lebih cenderung untuk menggunakan hukuman denda kepada pesalah selain daripada hukuman penjara dan sebatan. Biasanya, denda menjadi hukuman pertama dan akan dikenakan hukuman penjara sekiranya pesalah gagal membayar denda tersebut. Oleh itu, pendekatan hakim dalam membuat keputusan terhadap hukuman yang diberikan sedikit sebanyak mampu melahirkan rasa pengajaran kepada pesalah dan seterusnya dapat menurunkan statistik jenayah yang berlaku pada masa kini.

Perbincangan di antara Pegawai Penguatkuasa Agama, Pendakwa Syarie dan Badan Kehakiman Syarie

Dalam satu kajian yang telah dijalankan oleh Dahalan dan penulis yang lain pada tahun 2019 yang bertajuk “*Peguam Syariah di Malaysia: Analisis Perkembangan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah*”, satu cadangan yang diutarakan oleh Ketua Hakim Syariah Pahang semasa pihak penyelidik dalam kajian ini membuat temubual bersama Y.A.A Dato' Hj. Abdul Rahman Bin Md, adalah supaya dibuat perbincangan yang berkala di antara pihak penguatkuasa agama, pihak pendakwa Syariah, dan badan kehakiman Syariah sendiri untuk memudahkan perbicaraan di dalam Mahkamah Syariah, lebih-lebih lagi perbicaraan yang melibatkan jenayah Syariah¹⁸. Ini adalah bertujuan agar semua pihak yang terlibat mengikut prosedur yang sedia ada dan perbicaraan dapat dijalankan dengan seadil mungkin. Ketidakfahaman mengenai prosedur pendakwaan boleh mengakibatkan perbicaraan sering ditangguhkan dan menemui jalan buntu serta seterusnya, mewujudkan tanggapan negatif masyarakat terhadap ketiga-tiga badan kehakiman Syariah ini sendiri.

Menyeragamkan Bentuk dan Had Hukuman antara Negeri-negeri

Ketidakseragaman peruntukan yang terkandung dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri merupakan salah satu faktor negatif yang menyumbang kepada perkembangan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam perkara jenayah di Malaysia. Perkara ini dapat dilihat melalui bilangan kesalahan dan jenis-jenis kesalahan yang berbeza-beza di setiap peruntukan yang ada di negeri-negeri. Sebagai ilustrasi, kita boleh merujuk kepada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997. Bagi kesalahan “mendakwa bukan Islam untuk mengelakkan tindakan” terdapat dalam Seksyen 5 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995, peruntukan ini tidak terdapat dalam Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997. Selain itu, terdapat juga ketidakseragaman dari segi bentuk dan had hukuman yang dikenakan. Sebagai contoh, dalam kes yang melibatkan kesalahan “menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dipandang hina”, Seksyen 10 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, manakala Seksyen 7 Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 menyatakan hukuman denda yang sama tetapi penjara hanya tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Ketidakseragaman ini boleh menyebabkan masalah seperti penguatkuasaan perintah, saman, dan waran tangkap, terutama mengenai peruntukan “*perintah bersaling*”¹⁹. Oleh

¹⁸ Dahalan, Hammad Mohamad, Mohiddin, Mas Nooraini, Abd Rahman, Mohamad Rizal & Dahlan, Nur Khalidah. “Peguam Syarie di Malaysia: Analisis Perkembangan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah”. *Journal of Law and Society*, 25, 23-33.

¹⁹ Abd Rahman, Sheikh Ghazali. “*Isu dan Permasalahan Terkini Mahkamah Syariah*”. Dlm Zulkifli Hasan (pnyt.) Amalan Kehakiman dan Guaman Syarri, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2006.

kerana itu, tindakan untuk menyeragamkan bilangan kesalahan, jenis kesalahan, bentuk hukuman, dan had hukuman dalam peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri haruslah dilakukan segera dan secara efisien. Perkara ini sekaligus dapat meningkatkan imej Mahkamah Syariah dan seterusnya menyelesaikan konflik bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam perkara jenayah secara keseluruhannya. Namun begitu, isu penyelarasan undang-undang Syariah bagi negeri-negeri seluruh Malaysia bukanlah satu perkara yang baru dan banyak usaha telah dilaksanakan untuk menyeragamkan undang-undang tersebut, namun sehingga kini ia masih belum dapat mencapai matlamatnya²⁰.

KESIMPULAN

Sebagai rumusannya, adalah penting untuk mengkaji semula bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah sebagai satu langkah ke arah mentransformasi dan memperkasa Institusi Kehakiman Islam Negara agar sentiasa relevan dengan suasana dan keadaan semasa. Kes-kes jenayah Syariah yang telah berlaku menunjukkan keperluan penambahbaikan dalam menetapkan hukuman dan memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Oleh itu, beberapa cadangan telah dikemukakan, antaranya ialah memanfaatkan had hukuman sedia ada secara maksimal oleh negeri dengan memastikan peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah digunakan secara menyeluruh untuk pelbagai kesalahan, di samping menggalakkan pendekatan hakim yang lebih berani dan holistik dalam menggunakan had hukuman dengan adil serta memberikan pengajaran kepada pesalah. Di samping itu, perbincangan berkala antara pegawai penguatkuasa agama, pendakwa Syariah, dan badan kehakiman Syariah perlu diadakan untuk memastikan kelancaran perbicaraan, terutama bagi kes-kes jenayah Syariah, di samping menyeragamkan bilangan kesalahan, jenis kesalahan, bentuk hukuman, dan had hukuman antara negeri-negeri untuk menyelesaikan konflik bidang kuasa dan meningkatkan imej Mahkamah Syariah secara keseluruhan. Selain itu, usaha penyeragaman peruntukan dan hukuman juga wajar dilakukan, termasuk meneliti semula kesesuaian Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Langkah-langkah ini diharapkan dapat membantu masyarakat, khususnya masyarakat Islam di Malaysia, memahami serta memperkukuh peranan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam sistem perundangan negara.

RUJUKAN

- Abd Rahman, Sheikh Ghazali. “Isu dan Permasalahan Terkini Mahkamah Syariah”. Dlm. *Amalan Kehakiman dan Guaman Syarii*, ed. Zulkifli Hasan, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2006.
- Ahmad, Mohd Nazri. “Konsep Kehakiman dalam Islam”, *Jurnal Usuluddin* 14 (2001): 87-96.
- Akta Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Keterangan 1950 [Akta 56].
- Akta Pentadbiran Undang- Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993.
- Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
- Alias, Mohamad Aniq Aiman. “*The Falsification of Documents in Marriage Cases under the Civil and Syariah Court in Malaysia: An Appraisal Analysis.*” Disertasi Sarjana, Universiti Sains Islam Malaysia, 2022.

²⁰ Hasan, Zulkifli. *Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia: Setakat Manakah Pelaksanaannya?* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 2013).

- Dahalan, Hammad Mohamad, Mohiddin, Mas Nooraini, Abd Rahman, Mohamad Rizal & Dahlan, Nur Khalidah. "Peguam Syarie di Malaysia: Analisis Perkembangan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah". *Journal of Law and Society*, 25, 23-33.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen 1995).
- Hasan, Zulkifli, *Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia: Setakat Manakah Pelaksanaannya?* Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 2013.
- Hassan, Rusni, Hussain, Mohammad Azam, Yusoff, Adnan. "Penubuhan dan Bidang Kuasa Mahkamah Muamalat di Malaysia: Isu dan Cabaran". *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 25(2009), 83-106.
- Iki Putra bin Mubarak lwn Kerajaan Negeri Selangor* [2021] 2 MLJ 323.
- Md Supi, Siti Shamsiah. "Bidang Kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Pengenalan Ringkas". Institut Kefahaman Islam Malaysia. 19 March 2003. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2003/03/19/bidang-kuasa-mahkamah-syariah-di-malaysia-satu-pengenalan-ringkas/>
- Mohamed Adil, Mohamed Azam, 'Bidangkuasa dan Kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia Pasca Alaf 20: Ke Arah Mana?', *Jurnal Syariah* 8, no. 2 (2000): 103-122.
- Mohamed Adil, Mohamed Azam, "Mahkamah Syariah di Malaysia: Kemajuan dan Pencapaian". Kertas kerja dibentangkan di Seminar on Islamic Law in Practice with Global Perspective, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Disember 10, 2013.
- Mohammad Hazim Shah, Mohammad Hariz Shah. "Penambahbaikan Undang-Undang Jenayah Syariah dalam Menangani Isu Transgender di Malaysia: Cabaran dan Cadangan: The Enhancement of the Sharia Criminal Laws in Coping with Transgender Issue in Malaysia: Challenges and Proposals". *Sains Insani*, 6(3) (2021). Diakses pada 1 Mac 2024. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no3.356>
- Mohd Rapini, Azizah dan Md. Noor, Ruzman. "Prinsip Keadilan dalam Sistem Kehakiman Islam: Tumpuan Khusus terhadap Konsep Syahadah". *Journal of Fatwa Management and Research*, 9 (2017): 129-161.
- Muhammad Juzaili bin Mohd Khamis & Ors lwn State Government of Negeri Sembilan & Ors* [2014] MLJU 1063.
- Myriam lwn Ariff* [1971] 1 MLJ 275.
- Nafsiah lwn Abdul Majid (NO 2)* [1969] 2 MLJ 175.
- Nasri, Mohd Sabree. "Akta 355 dan Perkembangan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah dalam Perkara Jenayah di Malaysia". *Journal of Law & Governance*, 1(1) (2018): 77-90.
- Ramah binti Ta'at lwn Laton binti Malim Sutan 6 FMSLR (1927).
- Shah Ruzan Hamdan lwn Ketua Pendakwa Syarie, Wilayah Persekutuan [2013] 1 CLJ (Sya).
- Shaik Abdul Latif & Ors lwn shaik Elias Bux [1915] 1 FMSLR 204.
- Sukma Darmawan Sasmitaat Madja lwn Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor [1999] 4 MLJ 742.
- Yaacob, Abdul Monir, *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah*, Cyberjaya: Penerbit Universiti Islam Malaysia, 2015.
- Yaacob, Abdul Monir, "Pelaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Penilaian", *Jurnal Fiqh*, 6 (2009): 1-20.